

# Kritik Keating uji kepemimpinan sendiri

815. C DLU 1993

**P**ELBAGAI pihak menuntut Paul Keating meminta maaf kepada Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad kerana kenyataan beliau yang menganggap Perdana Menteri 'keras kepala'. Namun apakah selepas meminta maaf, hubungan yang keruh seketika ini dapat dipulihkan? Jika tiada permintaan maaf daripada Keating, apakah pula hubungan jernih tidak boleh wujud semula? Wartawan Meja Luar Negara, HAMBALI ABDUL LATIFF cuba menyela masalah ini dan kesannya jika Keating terus enggan meminta maaf.

SESUATU yang buruk sudahpun berlaku. Seandainya Paul Keating meminta maaf kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara terbuka sekalipun, ia masih belum menghilangkan parut kekecewaan rakyat Malaysia. Jadi, perlukah Keating memohon maaf secara terbuka?

Meneliti kepada sikap degil pemimpin Australia itu dan tiada tuntutan peribadi daripada Dr Mahathir, tidak memungkinkan Keating memenuhi tuntutan daripada rakyat Malaysia ataupun rakyat negaranya sendiri.

Apa yang jelas, kenyataan Keating bukanlah pendapat rakyat atau kerajaan Australia. Ini boleh dibuktikan dengan usaha Menteri Luarnya, Gareth Evans yang begitu ber-sungguh-sungguh untuk membersihkan imej Canberra.

Kekeruhan hubungan di antara kedua-dua negara menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak termasuk ahli perniagaan Australia kerana ia akan menjejaskan perniagaan mereka.

Akhbar *The Sydney Morning Herald* dengan tegas mengatakan: "Tiada Jalan Keluar: Keating Mesti Minta Maaf; *The Australian* pula memberi amaran: "Pengeksport bersiap sedia menghadapi kerugian." "Saya berpendapat, kerajaan Australia perlu mencipta keadaan selesa dengan melarang ulasan seperti yang dibuat oleh Perdana Menteri, kerana ia boleh disalahtafsirkan atau menimbulkan salah faham," kata Pengarah Majlis Perniagaan Australia-Malaysia, Andrew Grummet, dalam temuramah di radio. Dalam suratnya kepada Keating, Pengarah Urusan syarikat komputer, *Sybiz Software*, Peter Lucas, meminta beliau lebih berhati-hati. "Malaysia adalah pasaran terbesar kami di Asia dan tentunya kami bimbang dengan perkembangan ini. Kami berharap anda mengelak daripada membuat kenyataan tidak wajar yang boleh menjejaskan hubungan perdagangan Australia dan Malaysia," katanya.

Kebimbangan memuncak apabila kedua-dua ne-

gara kini hampir mencapai perjanjian mengenai pembelian 30 kapal peronda selam Australia oleh Malaysia yang dijangka berjumlah AS\$2 bilion (RM5 bilion), selain berharap Malaysia akan turut membeli kapal selam daripadanya.

Jelas semuanya ini mempunyai kepentingan perniagaan dan jika berlaku sesuatu yang merenggangkan hubungan, ia memberi kesan ekonomi dan pelaburan yang kini begitu penting kepada kedua-dua negara.

Kekecohan bermula daripada sikap seseorang yang gagal mendapat apa yang diinginkan dan bertindak mengkritik orang lain, mungkin kerana cemburu. Ia adalah pertandingan personaliti dan tidak ada kaitan dengan 'perang mulut'. Ia berlaku akibat kritik sebelah pihak (kritik Keating terhadap Dr Mahathir).

Hakikatnya, Dr Mahathir memimpin sebuah negara di Asia yang kaya dengan hasil bumi dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan mendapat pujian pelbagai pihak di peringkat sejagat sementara Keating pula memimpin sebuah kerajaan yang dilanda pelbagai masalah daripada pengangguran hinggalah kepada masalah perkauman.

Malaysia, seperti Australia yang pernah dijajah oleh Britain, mempunyai rekod kejayaan ekonomi yang menggalakkan dan mula memperlihatkan pengaruhnya yang luas. Selain Asean, Malaysia dihormati di peringkat Pergerakan Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan forum antarabangsa yang lain, termasuk Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Pandangan Dr Mahathir dijadikan pedoman dan rujukan, malah ada ketikanya beliau disamakan dengan beberapa pemimpin agung.

Australia pula cuba membuktikan ia adalah pemimpin di rantau ini. Ia cuba menonjolkan imejnya menerusi tahap ekonomi, perindustrian, usahanya mencari penda- maian di Kemboja dan yang terbaru ialah si-

kapnya menunjuk-nunjuk dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec). Pada hakikatnya, Australia menghadapi krisis pengangguran, kelemahan ekonomi, juga krisis identiti.

Keating yang sebenarnya lebih dikenali sebagai 'keras kepala', 'cöluar' dan pelbagai gelaran lain oleh rakyatnya sendiri, mengharapkan hubungan lebih intim dengan negara-negara di Asia. Bagaimanapun, tindak tanduknya menimbulkan pelbagai kerena yang pastinya menyukarkan Evans untuk memulihkan suasananya.

Kita memuji sikap Dr Mahathir yang tidak terburu-buru membalas kecaman Keating terhadapnya. Beliau menyerahkan kepada kerajaan Australia dan Keating sendiri untuk mengkaji cara memperbaiki keadaan.

"Terpulanglah kepadanya (Keating) untuk menentukannya," kata Perdana Menteri ketika ditanya sama ada Keating harus meminta maaf kepadanya bagi meredakan kontroversi antara kedua-dua negara ekoran kenyataan itu. Bagaimanapun, Dr Mahathir berpendapat rakyat Malaysia yang kurang senang dengan kenyataan Keating berhak mengemukakan cadangan.

"Malaysia ialah negara bebas. Rakyat negara ini bebas bersuara," kata beliau. Dr Mahathir juga mahu memelihara hubungan antara kedua-dua negara, apabila berkata: "Saya mahu mengekalkan hubungan dengan semua orang. Orang lain saja yang tidak mahu menjalin hubungan baik dengan saya."

Mengenai sama ada kerajaan akan memutuskan hubungan dengan Australia berhubung dengan isu itu seperti dicadangkan oleh sesetengah pihak, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak bertindak seperti itu kecuali kita mempunyai alasan yang kuat untuk berbuat demikian."

Kenyataan Perdana Menteri itu jelas menunjukkan beliau tidak mahu mengeruhkan lagi suasana tegang walaupun jelas kritik Keating mahu menjatuhkan air mukanya.

Soalnya, adalah sukar bagi Dr Mahathir melarang desakan pihak tertentu di negara ini yang mahukan segala bentuk kerjasama dengan Australia dibekukan serta merta.

Memang ramai yang berdukacita apabila pemimpin nombor satu kita dikritik tetapi terubatkah dengan hanya Keating meminta maaf? Tentunya, apa juga reaksi selepas ini, kita tidak berniat melakukan sesuatu yang boleh memutuskan hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara.

Biarlah kita bersikap lebih rasional dan jangan sekali-kali mengikut gelagat Keating yang kita anggap bersikap 'lebih kua' daripada sudu' berbanding Presiden Amerika, Bill Clinton. Sepatutnya Clinton lebih marah kepada Dr Mahathir kerana tidak memenuhi undangannya.

Kita sedar perhubungan yang tidak baik akan menjejaskan ekonomi pelbagai pihak sama ada di Malaysia atau Australia.

Sebagai contoh, jika iklan syarikat Australia tidak digunakan, kita juga turut rugi. Jika sekadar membekukan penyiaran lagu daripada album yang dirakamkan di Australia, kesannya tidaklah besar, melainkan kita mengharuskan kemasukan kaset, cakera padat atau bahan rakamannya bagi tujuan pengedaran.

Menurut sumber di Perbadanan Penyiaran Australia (ABC), pengharman rancangan mereka boleh menjejaskan perjanjian bernilai berjuta-juta dolar yang dibuat dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Mara pula membatalkan penghantaran pelajar tajaannya ke Australia mulai pengambilan Jun depan berikutan kegagalan Keating meminta maaf kepada Dr Mahathir.

Media dan peniaga Australia faham benar jika seketan atau sebagainya dikenakan terhadap mereka, kesan besar akan dialami. Pada umumnya, perangkaan dari Canberra mengatakan jumlah perdagangan Malaysia dan Australia kini berjumlah RM3.75 bilion. Satu laporan lain pula menyebut, eksport Australia ke Ma-

laysia tahun lalu saja adalah AS\$758 juta (RM1.8 bilion) sementara importnya pula berjumlah AS\$652 juta (RM1.6 bilion juta).

Selain itu, pertumbuhan perdagangan kedua-dua negara berjumlah 25 peratus setahun ketika ini akan menurun.

Masalah yang melanda memanglah perit untuk diterima oleh rakyat Malaysia tetapi desakan dan bantahan rakyat Australia sendiri cukup mengajjar pemimpin negara itu supaya berhati-hati dengan kenyataan mereka di masa depan.

Kenyataan pemimpin pembangkang konservatif Australia, John Hewson, yang mendesak Keating, 'membina semula' hubungan dengan Malaysia bagi menjaga kepentingan negara itu memberi kesan besar kepada Keating dan parti yang dipimpinnya. Parti Buruh pimpinan Keating yang menghadapi krisis kepemimpinan dan semakin kurangnya sokongan memerlukan kepemimpinan yang boleh mengembalikan keyakinan rakyat.

Keating bukan teruji oleh kenyataan kerasnya di peringkat antarabangsa tetapi oleh penyokong dan rakyatnya yang mahukan kepemimpinan berkesan dan inilah yang diperkatakan oleh media Australia membandingkannya dengan Dr Mahathir.

Malah Menteri Luarnya sendiri menegaskan: "Perhubungan kita (Australia) dengan Malaysia adalah begitu penting dan seharusnya masalah seperti ini tidak meleburkan hubungan yang sedia terjalin."

Kita akan menunggu sejauh mana Keating mahu berdegil dengan kenyataannya tetapi apakah rakyat Australia boleh menunggu dengan tabah kegagalan kepemimpinannya mengembalikan kecerlangan ekonomi yang pernah dialami oleh negara itu beberapa ketika sebelum kerajaan dan parti yang dipimpinnya mengambil alih?

Yang diharapkan Menteri Perdagangan Australia, Peter Cook, yang akan menemui Dr Mahathir di Kuala Lumpur, mengurangkan sedikit kekeruhan ini.